



NIOHSH CERTIFICATION SDN BHD (641222-K)
(A wholly owned subsidiary of NIOSH, Ministry of Human Resources)
7th Floor, NIOSH Tower
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
43650 Bandar Baru Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 - 8922 1925
Faks : 03 - 8926 7682
www.nioshcert.com.my

Ruj. : **NCSB/MS/211/SPOCS5/19/STKC**
Date : **14 Jun 2019**
U.P : **Semua pihak yang berkepentingan**

Tuan / Puan,

UNDANGAN MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP PENSIJILAN MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) KEPADA SUSTAINABLE PALM OIL CLUSTER KIMANIS / PAPAR / PENAMPANG (S5)

NIOHSH Certification merupakan badan pensijilan yang menjalankan aktiviti audit bagi pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Standard MS 2530-2:2013 terhadap **Sustainable Palm Oil Cluster Kimanis / Papar / Penampang (S5)**, Sabah yang terdiri daripada 80 pekebun kecil yang berdaftar.

Pensijilan MSPO merupakan satu pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan yang memberi faedah terhadap industri minyak sawit di Malaysia. Elemen yang ditekankan meliputi aspek – aspek berikut:

- a. Pematuhan perundangan
- b. Perlindungan alam sekitar
- c. Pemuliharaan biodiversiti
- d. Tanggungjawab dan komitmen pihak pengurusan
- e. Tanggungjawab sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- f. Pembangunan komuniti setempat

Bagi memenuhi proses pensijilan, audit pematuhan akan dilaksanakan ke atas SPOC S5 pada **10 sehingga 12 Julai 2019**. Oleh itu, NIOHSH Certification menjemput semua pihak berkepentingan terhadap SPOC S5 yang terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja - pekerja, pemimpin masyarakat dan masyarakat setempat untuk memberi sebarang maklumbalas atau komen bertulis terhadap aktiviti SPOC S5 berdasarkan aspek di atas.

Maklumbalas dan komen daripada pihak tuan/puan boleh disalurkan pada sesi audit pematuhan yang dijadualkan pada 10 sehingga 12 Julai 2019 atau melalui surat / emel ke khairul.faris@nioshcert.com.my dan faks di talian 03 – 8926 7682. Semua maklumbalas dan komen yang diterima akan dipertimbangkan dan dibincangkan bersama pihak SPOC S5 semasa sesi audit agar memberi impak positif terhadap pensijilan MSPO organisasi tersebut. Untuk makluman, segala butiran yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ASIAH NASUTION SUHAIMI
Pengurus Pensijilan

